

# Dari Sebulan ke Sebulan

**Perkara telekung:** Penuntut-penuntut perempuan di Kolej Islam Klang telah meminta pendapat umum mengenai dengan telekung supaya dipermodenkan. Yang meminta fikiran inilah ialah penuntut-penuntut dari sebuah kuliah agama yang tentunya mengetahui sempadan-sempadan aurat perempuan yang diwajibkan keatas mereka yang patut dijaga dan patut diulukan oleh mereka itu kepada masyarakat – jangan daripada mereka itu yang merosak aturan-aturan yang ditentukan oleh agama. Mereka itu tentu mengetahui bahawa aurat bagi perempuan sama ada di dalam sembahyang atau pun tidak ialah muka dan dari buku pergelangan hingga jari (belakang dua tapak tangan). Rupa atau jenis penutup selain daripada tempat-tempat itu tidak ditentukan - apa cara jua pun boleh – dan kerana itu tidaklah menjadi soal bentuk dan rupanya modenkah atau tidak moden, cantikkah atau tidak cantik, cara Melayu, cara China, cara Eropah asal tertutup tidak menjadi soal. Soalnya sekarang yang patut menjadi perhatian atau contoh ialah penuntut-penuntut itu sendiri patut mencontohkan dengan memakai dan menggunakan apa yang diajarkan oleh Islam – jangan mereka bertudung kepala – rambut di atas dijulur-julurkan untuk daya penarik, tengkuk dibuka dan seumpamanya. Jangan pula mencontohkan supaya nanti diadakan peraduan telekung-telekung moden kerana publisiti. Banteraslah cara bertudung bagi madrasah-madrasah

agama dengan cara memberi contoh supaya aurat tertutup menurut yang dikehendaki oleh Islam – ini yang sebaik-baiknya. Betulkan yang ada dan baru melangkah ketujuan yang lain.

\* \* \*

**Kena di mata dipicingkan, kena di perut dikempiskan:** Perbuatan orang salah, perbuatan sendiri benar walau pun salah. Tuan Anwar Farid Konsul Republik Arab Bersatu dikatakan telah berkata bahawa Republik Arab Bersatu anti sebarang pakatan tentera. Beliau menyatakan juga hubungan Republik Arab Bersatu dengan Jerman Barat diputuskan kerana negeri itu membantu alat-alat senjata kepada Israel untuk menceroch Arab. Tidak diketahui pakatan tentera macam manakah yang dikehendakinya. tetapi orang bertanya bagaimana Republik Arab Bersatu telah menghantar tentera-tenteranya ke Yaman hampir-hampir beratus-ratus ribu banyaknya membantu pemberontakan Abdullah al-Salal bagi meroboh kekuasaan pemerintahan beraja di Yaman dengan tidak segan-segan membunuh orang-orang Islam di Yaman yang melawan al-Salal dengan menggunakan gas? Bahkan diberitakan Presiden Gamal Abdul Nasser telah menyatakan tidak akan menarik tentera-tenteranya dari Yaman – tanah air orang lain. Adakah tidak termasuk dalam bahagian ketenteraan kalau Republik Arab Bersatu dikatakan telah menghantar alat senjata membantu Makarios Drousiotis untuk membunuh orang-orang Turki yang beragama

Islam?

Mengenai putusanya perhubungan diplomati dengan Jerman Barat kerana mempersenjatai Israel, orang bertanya pula mengapa tidak putus perhubungan di antara Republik Arab Bersatu dengan Amerika yang sekarang bakal menghantar kapal terbang-kapal terbang perangnya mempersenjatai Israel? Mungkin ada apa-apanya.

\* \* \*

**Duta Saudi menjawab:** Rancangan al-Malik Faisal bagi mengadakan Persidangan Perpaduan Negara-negara Islam yang disamakan oleh Anwar Farid, Konsul Republik Arab Bersatu serupa dengan pakatan Baghdad yang dipelopori oleh *imperialist* maka Tuan Husein Fathani – Duta Saudi Arabia – menyatakan bahawa al-Malik Faisal tidak pernah mengatakan pakatan tetapi perpaduan. Beliau menyatakan juga bahawa apa yang diucapkan oleh Presiden Gamal Abdul Nasser mengenai sidang kemuncak Islam adalah serupa dengan ucapan Tuan Koo Si Jin, Perdana Menteri Rusia.... dan sangat dikesalkan bahawa Republik Arab Bersatu yang menyatakan dirinya berkecuali daripada mana blok telah berfikir dan bercakap sealiran dengan Koo Si Jin yang menentang perpaduan negara-negara Islam.

Pendapat Duta Saudi Arabia ini adalah menjawab suatu perkara yang mesti dijawab kerana persoalan kedua-dua negara Republik Arab Bersatu dengan kerajaan Saudi Arabia selalu

bermusuhan terutama dari pihak Republik Arab Bersatu yang tidak putus-putusnya menyerang kerajaan Saudi Arabia. Melihat gelagat Konsul Republik Arab Bersatu itu tentu orang memandang kurang bijak kerana perselisihan mereka itu cuba dibawa ke Tanah Melayu ini dan mungkin akan menimbulkan pertentangan mulut di antara kedua negara ini bagi pengetahuan umum menjadi wajar bagi Kementerian Luar Negeri Malaysia memperingatkan persoalan ini jangan dibawa ke mari.

\* \* \*

#### **Alang-alang mandi biar basah:** Terlanjur

menceritakan perselisihan di antara kedua negara ini bagi pengetahuan umum molek diceritakan peristiwa-peristiwa baru yang diucapkan oleh Gamal Abdul Nasser yang telah marah kepada kerajaan Sa'udiyah Arabiyah dengan mengatakan akan membom kawasan al-'Asir dan Hadidah. Kerana kerajaan Saudi membantu senjata kepada pihak imam Badar di Yaman. – Iaitu setelah rundingan damai Yaman gagal. Manakah yang lebih berbahaya senjata kepada suatu pihak dengan bantuan senjata dan tentera bagi pihak yang lain. Sepanjang yang diketahui Saudiah Arabiah tidak pernah menghantar tenteranya membantu Imam Badar untuk membunuh saudara-saudaranya orang-orang Yaman dipihak al-Salal tetapi Republik Arab Bersatu menghantar hampir beratus ribu tenteranya lengkap dengan alat senjata untuk membunuh orang-orang Islam di Yaman. Bahkan bukan itu sahaja kerana tidak dapat menghancurkan perang gerila Imam Badar yang bersembunyi di bukit-bukit batu diberitakan bahawa tentera-tentera Republik Arab Bersatu telah menggunakan gas untuk membunuh orang-orang Islam yang

berpihak kepada Imam Badar. Siapa yang lebih bersalah dalam soal ini? Pembaca dapat menghakimkan. Kalau Republik Arab Bersatu menghendaki di Yaman berdiri sebuah negara *socialist* yang akan disatukan di bawah taklukannya (Gamal Abdul Nasser) apakah salah orang yang membantu senjata kepada orang yang mempertahankan diri dari pencerobohan-pencerobohan yang datang dari luar yang tidak berhak di negara itu. Kepada orang semuanya salah kepadanya semuanya benar sekalipun salah.

\* \* \*

#### **Patut mencontohi:** Gamal

Abdul Naser patut mengerling sedikit ke Indonesia kepada rakannya Sukarno. Dahulu Sukarno dijulang oleh umat Indonesia sehingga ada yang mengakui sebagai “nabi” tetapi apabila tiba saatnya seperti sekarang bintangnya menurun seturun-turunnya hanya diletakkan sebagai alat menjauhkan perang saudara di Indonesia. Zaman Farouk dahulu di Mesir, sesudah Mesir berasa dapat mempengaruhi dunia Islam cuba mencari jalan hendak menjadikan dirinya “khalifah Islam” tetapi tidak berjaya dan dia diturunkan dari takhta kerajaannya oleh Jeneral Mohamad Najib. Tidak lama Najib dijatuhkan oleh rakannya Gamal Abdul Nasser lalu menubuhkan sebuah kerajaan bernama Republik Arab Bersatu. Pada masa itu tidak ada sebuah kerajaan pun yang bersatu dengan Republik Arab Bersatu tetapi namanya sendiri sudah menyatukan seluruh negara-negara Arab. Kerajaan Suria mula-mulanya menjadi korban masuk kepada kerajaan Mesir bersatu di bawah nama Republik Arab Bersatu. Akhirnya? Suria tak tahan

kerana terasa dijajah. Di sana sini di negara-negara Arab dilepaskan “kaki-kakinya” yang sefaham dengannya bagi mendirikan negara *socialist* di tanah-tanah Islam itu dengan tujuan supaya dapat nanti disatukan dibawah Republik Arab Bersatu yang diketuai oleh Gamal Abdul Nasser. Akhirnya? kesedaran umat-umat di daerah itu timbul. Bourqibah membantah. Ben Bella yang satu masa disokongnya menyerang sempadan-sempadan Maghribi untuk menjadikan negara *socialist*- tidak beraja dijatuhkan oleh umat Algeria sendiri digantikan oleh Bomdain yang tidak terletak di bawah telunjuk Gamal Abdul Nasser. Negeri-negeri Arab yang Beraja seperti Libya, Maghribi, Jordan, Saudi Arabia dan negara-negara yang di bawah Amir-Amir menyedari akan tujuan-tujuan Gamal Abdul Nasser yang hendak berkuasa di seluruh tanah Arab. Akhirnya? Dengan kerana kesedaran itu bintang Gamal Abdul Nasser mulai sedikit muram di lain-lain negara.

\* \* \*

#### **Pilihlah Orangnya Yang Sesuai**

Di dalam suatu kenyataan di *Parliament*, Tun Dr Ismail menyatakan bahawa diuar-uarkan akan membuka seberapa segera perwakilan-perwakilan Malaysia di Lubnan, Jordan dan juga di Kuwait- untuk menghubungkan lebih erat lagi hubungan negara Malaysia negara-negara Islam Timur Tengah. Untuk menghubungkan ini ada lebih tepat sekiranya serentak masa menghubungkan itu ditarik semula akuan kepada Israel kerana walau bagaimanapun seluruh negara-negara Arab adalah memusuhi Israel sehingga mana-mana visa yang telah dikeluarkan untuk negara-negara Arab kalau terletak di dalam

passport seorang akan visa negara Israel maka visa negara-negara Arab itu akan gugur.

Umumnya di seluruh negara-negara Arab bahasa perantaraan mereka ialah bahasa Arab sekalipun lahjah bahasa mereka berlainan. Ada lebih sesuai kalau duta-duta yang dihantar tahu berbahasa Arab demikian juga kuasa usahanya serta pegawai-pegawai utamanya. Dengan mengetahui bahasa mereka itumaka hubungan yang mesra akan lebih meningkat daripada berkata-kata ataau bercakaap dengan menggunakan jurubahasa terutama sekali dalam menghadapi orang-orang Arab yang sanagaat mengutamakan kepada kebebasan bergaul dan berkawan. Untuk ini tidaklah sayogia, bagaimana yang telah lalu menghantarkan duta-duta dan pegawai ke tanah-tanah Arab itu dengan pegawai-pegawai tidak tahu berbahasa Arab sehingga

terkadang-kadang hendak embeli barang-barang pun terpaksa membawa kerani sebagai jurubahasa.

Mengatasi persoalan ini tentu ada jalannya. Kita banyak mempunyai penuntut-penuntut di luar negeri yang bertauliah atau yang tidak bertauliah. Mereka mengetahui dua bahasa sekurang-kurangnya, Melayu dan Arab. Bahasa rasmi Malaysia, Bahasa Melayu. Tidak payah Bagi mereka membuat report dan sebagainya,. Mereka telah bergaul dengan orang-orang Arab dengan mengetahui adat rasmi orang-orang itu tentunya lebih mudah bagi diplomat menjalankan tugas yang perlu bagi mereka ialah latihan setahun atau dua sebagai orang diplomat. Kerana itu sudah tiba masanya Kerajaan Malaysia mengakui ijazah-ijazah universiti-universiti Arab dan mengambil mereka sekurang-kurangnya,

Sesudah dilatih untuk dijadikan pegawai-pegawai diperwakilkan dijadikan berbahasa Arab. Adalah diharapkan supaya anggota-anggota parliament akan memerhatikan persoalan ini.

Barang siapa yang berani berbuat dosa sambil bertakwa, ia pasti akan berani masuk neraka sambil menangis- makna al-Hadith

\* \* \*

Barang siapa yang hatinya telah terminum air cinta dunia, sampai ia telah senang betul dengan dunia, di kala itu dunia akan memberikan kepadanya perasaan bimbang yang tidak berhabis-habisan, angan-angannya tinggi tidak ada batasan dan perasaan haloba tamaknya menjadi-jadi tidak berkeputusan. Nabi Muhammad ( S.A.W).

Sudah terbit

Buku Baru

## Khalifah Umar bin Abdul Aziz

Khalifah Umar Abdul al-Aziz bukannya sahaja seorang khalifah yang disegani oleh rakyat jelata di antara khalifah-khalifah Bani Umayyah, tetapi juga baginda adalah seorang khalifah yang dipandang adil seadil-adilnya untuk menegakan kebenaran dan hak sudah Saiyidina Umar bin al-Khatab,

bacalah riwayat hidupnya yang penuh dengan perjuangan menegakan agama Allah, disusun dengan jalan bahasa yang mudag difaham dan senang dibaca oleh semua peringkat.

Pesannya dari sekarang

Harga sebuah

Daripada penerbitnya:

\$1.40

QALAM

356/8 Geylang Road Singapura 14.